

Terima secara positif program pemulihan pelajar bermasalah

BERITA HARIAN
24/8/2017 p. 35

Cadangan pihak Kementerian Pendidikan untuk menghantar pelajar yang mempunyai masalah disiplin yang serius menjalani program pemulihan di penjara dan lokap bagi memerangi gejala sosial di sekolah mendapat pelbagai reaksi dan maklum balas daripada masyarakat. Ada yang setuju dan ada juga tidak begitu yakin.

Pihak kementerian dilaporkan sedang merangka program pemulihan dan sebagai permulaan ia bakal membabitkan kumpulan pelajar yang sudah digantung persekolahan selama enam bulan disebabkan pelbagai masalah disiplin serius termasuk buli.

Mengikut cadangan, kumpulan pelajar ini akan dihantar ke penjara, lokap polis dan Sekolah Henry Gurney (sekolah pemulihan) untuk tempoh tertentu sepanjang penggantungan bagi

mbolehkan mereka melihat sendiri bagaimana pesalah lebih serius daripada mereka menjalani hukuman. Kementerian berharap dengan pendekatan seperti ini mampu wujudkan kesedaran dan keinsafan pelajar bermasalah itu membolehkan mereka menjadi insan lebih baik.

Ini cadangan drastik dan 'berani' pihak kementerian untuk menangani isu disiplin dalam kalangan pelajar yang mutakhir ini kelihatan semakin membimbangkan. Gejala buli misalnya semakin menjadi-jadi sehingga ada mangsa yang maut dan mengalami kecacatan fizikal. Itu belum lagi isu disiplin rutin yang lain seperti gengsterisme, dadah, ponteng sekolah dan memeras ugut. Jadi, memang ada kewajaran bagi cadangan ini.

Walaupun ada pihak kurang

bersetuju dan berpandangan hukuman atau program ini terlalu keras dan boleh menjejaskan masa depan pelajar terbabit, kita perlu berfikir positif dan melihat kebaikan di sebaliknya.

Ambil kira pandangan semua

Pelajar yang mempunyai masalah disiplin yang serius seperti yang kita sedia maklum semangnya tidak minat belajar dan terlalu tegar untuk diberi nasihat ataupun dipulihkan dengan hukuman biasa. Ini menyebabkan pihak sekolah buntu menangani masalah disiplin lebih serius.

Cuma kita harap cadangan ini akan dirangka dan diteliti sebaik mungkin dengan mengambil kira pandangan semua pihak supaya ia mencapai objektif program.

Antara perkara yang perlu dititikberatkan dalam pelaksanaan program ini ialah pihak kementerian

mahupun sekolah perlu memastikan ibu bapa pelajar yang terbabit memberi kebenaran anak mereka menjalani program pemulihan ini.

Di samping itu, pengisian program pemulihan di pusat pemulihan yang telah ditetapkan juga perlu disusun rapi supaya memberikan impak yang dihasratkan. Untuk itu perlu ditetapkan tempoh masa sesuai program pemulihan ini dilaksanakan.

Kementerian juga perlu memastikan tahap keselamatan terjamin di pusat pemulihan. Jika perkara ini dapat ditangani dengan baik, kita yakin masyarakat terutama ibu bapa yang terbabit akan memberi lampu hijau kepada cadangan pihak kementerian ini.

Apa pun pada masa sekarang, ia masih pada peringkat cadangan dan pemurnian yang mana pihak

kementerian juga dilaporkan sedia untuk menerima pandangan, cadangan dan idea daripada pelbagai pihak berkepentingan seperti ibu bapa, persatuan ibu bapa dan guru (PIBG) dan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP).

Jadi, diharapkan semua pihak yang terbabit tidak cepat melenjing dengan cadangan ini, sebaliknya lihat kewajaran dan hikmah di sebalik cadangan tersebut. Kaji dan perhalusi kebaikan dan kelemahan cadangan ini sebelum mengemukakan pandangan masing-masing. Hakikatnya, ini mungkin jalan terakhir untuk kita memulihkan anak.



**Noor Mohamad
Shakil Hameed**

Timbalan Pendaftar, Fakulti
Kejuruteraan, UPM